



Selamat Datang
Ke Laman Portal
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, Mac 02, 2017

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

BERITA »

Pelajar FRSB naib johan pertandingan Rekabentuk Landskap Tasik Sri Aman

Oleh Syifarida Muhamad Zaki



SERDANG – Pelajar Bachelor Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk & Senibina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM), muncul naib johan pertandingan Rekabentuk Landskap Tasik Sri Aman, baru-baru ini.

Muhamad Anuar Anas Zainal, Muhamad Akni Akim Saharudin dan Nazirul Syahmi Romlan membawa pulang hadiah bernilai RM2,000 dan sijil penyertaan.

Pertandingan anjuran Tabung Veritas untuk Kecemerlangan (VFE) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) itu bertujuan mengindahkan lagi Taman Tasik di Puchong itu.

Ia terbuka kepada semua pelajar universiti tempatan dan diadakan secara berperingkat bermula Oktober lalu.

Ketua kumpulan, Muhamad Anuar Anas berkata penyertaan mereka adalah atas inisiatif sendiri sebagai platform untuk menonjolkan idea dan meneroka pengalaman berbeza dalam bidang Senibina Landskap.

"Kami hanya perlu menghantar cadangan rekabentuk sebelum tarikh tutup pada Disember lalu.

"Apabila dimaklumkan telah berjaya ke peringkat akhir, kami diminta untuk membuat pembentangan pada 15 Februari lalu dan diumumkan sebagai naib juara pada hari yang sama.

"Tak sangka pula kami muncul naib johan," katanya.

Pada peringkat akhir, mereka bertemu dengan dua kumpulan dari Universiti Islam Antarabangsa dan dua kumpulan dari Universiti Lim Kok Wing.

"Layak ke peringkat akhir adalah kejayaan besar bagi kami kerana pertandingan ini diadakan oleh hakim yang professional iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Veritas Design, Encik David Mizan Hashim," katanya. - UPM

RSS | Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian | Notis Hakcipta | Peta Laman | Bantuan | Jumlah Pelawat :
Paparan terbaik menggunakan Internet Explorer, Safari, Firefox, Google Chrome dengan resolusi 800 x 600 dan 1024 x 768 (S1)

@2013 Universiti Putra Malaysia
Kemaskini Terakhir : 01 Mar 2017

